

07 NOV 2000

Putrajaya-Perjanjian

SELANGOR TERIMA RM200 JUTA DAN BANYAK LAGI BAGI PUTRAJAYA

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Kerajaan Negeri Selangor akan menerima wang tunai RM200 juta serta bayaran tahunan sebanyak RM7.5 juta untuk selama-lamanya daripada Kerajaan Persekutuan dengan termeterainya perjanjian untuk menjadikan kawasan Putrajaya seluas 4,931 hektar sebagai Wilayah Persekutuan.

Surat perjanjian itu ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bagi pihak Kerajaan Persekutuan manakala kerajaan Negeri Selangor diwakili oleh pemangku Raja Selangor Raja Idris Shah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi saksi bagi Kerajaan Persekutuan manakala saksi bagi Kerajaan Negeri Selangor ialah Menteri Besar Datuk Dr Mohd Khir Toyo.

Majlis itu dijalankan di Balai Rongseri Istana Negara di sini.

Perjanjian itu bagaimanapun akan berkuatkuasa pada satu tarikh yang akan ditetapkan selepas mendapat perkenan Majlis Raja-raja dan Rang Undang-undang berkaitan yang diluluskan Dewan Undangan Negeri Selangor dan Parlimen, kata kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri.

Menerusi perjanjian itu juga Kerajaan Persekutuan menyerahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor sebanyak 26 keping tanah milik Persekutuan seluas 10.16 hektar di Morib dan bilangan keanggotaan perwakilan negeri Selangor dalam lembaga pengarah Perbadanan Putrajaya ditambah daripada seorang sekarang ini kepada dua orang.

Dalam perjanjian itu juga, kedua-dua pihak bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan membiayai projek-projek pembangunan bagi memajukan kawasan kampung di pinggir Putrajaya dan Cyberjaya di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) dengan kos sebanyak RM800 juta.

Sekiranya peruntukan sebanyak RM800 juta itu tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya dalam RMK-8 bakinya akan dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia ke-9.

-- BERNAMA

AKT GM PR